

07 DEC 1997

Samy-Jalan

KOS JALAN RAYA KE PROTON CITY DIKURANGKAN, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Cadangan pembinaan jalan raya sejauh 19 km yang menghubungkan Tanjung Malim dekat Behrang dengan Proton City yang menelan belanja RM230 juta, akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat berikutan kelembapan ekonomi negara sekarang ini.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini berkata, kerajaan telah mengarahkan supaya projek itu dikaji semula bagi mengurangkan kosnya walaupun Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan dan mengeluarkan tender untuk pelaksanaannya, kata beliau.

"Kita akan melaksanakannya secara berperingkat-peringkat. Peruntukan RM230 juta itu akan dibelanjakan dalam tempoh enam tahun dan bukannya dua tahun," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan hari keluarga Kementerian itu di Taman Tasik Perdana di sini.

Dengan cara itu, kerajaan akan dapat menjimatkan perbelanjaan sementara menunggu ekonomi pulih semula, kata beliau.

Ketika ditanya mengenai jumlah wang yang akan dapat dijimatkan, Samy Vellu berkata "saya tidak dapat memberitahunya sekarang. Saya memerlukan sekurang-kurangnya tiga hari untuk mengetahuinya".

Beliau berkata, jalan raya ke Proton City yang terletak di Behrang yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 23 Mac tahun lepas, ialah projek raksaksa pertama yang dikaji semula oleh Kementerian itu untuk mengurangkan kos.

Proton City, yang akan menjadi bandar raya "kembar" dengan Toyota City di Jepun, merupakan projek usaha sama antara Proton dan kerajaan negeri Perak. Ia akan menjadi sebuah pusat industri kereta yang akan mengeluarkan model kereta 1300cc dan 1800cc untuk pasaran tempatan dan eksport. Ia juga akan menjadi pusat pemasangan kereta Lotus di Malaysia.

Proton City dijadualkan siap pada 1998/99 dan akan mengeluarkan kira-kira 150,000 unit kereta setahun apabila fasa pertama mula beroperasi pada tahun 2000.

"Banyak lagi projek yang telah diluluskan akan dikaji semula oleh Kementerian," kata beliau.

Menurut Samy Vellu lagi, projek jalan raya Tanjung Malim-Proton City akan mempunyai beberapa persimpangan yang menghubungkannya dengan beberapa kawasan perindustrian yang dicadangkan pada masa hadapan.

Sebelum ini kerajaan merancang untuk menjadikan Proton City sebagai sebuah pusat pengeluaran kereta yang sebahagian besarnya untuk pasaran eksport.

"Di bawah keadaan sedemikian, kawasan seluas hampir 4,000 hektar itu perlu mempunyai sistem jalan raya yang baik dan sebab itu peruntukan sebanyak RM230 juta diluluskan. Tetapi kini kita akan mengurangkan kosnya," kata beliau.

Menurut Samy Vellu, Kementerian itu telah memberi perhatian terhadap langkah berjimat cermat sejak dua bulan lepas dengan banyak projek yang sedang dilaksanakan telah dikurangkan kosnya daripada harga asal tanpa menjejaskan mutunya.

"Saya menjangkakan Kementerian akan dapat mengurangkan perbelanjaan sebanyak 25 peratus berbanding 18 peratus seperti yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim Jumaat lepas," kata beliau.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya supaya mengkaji semula setiap projek yang telah diluluskan untuk mengenal

pasti projek-projek yang boleh dikurangkan lagi kosnya.

Mengenai isu kerosakan jalan raya, beliau berkata pihaknya akan hanya menampal jalan-jalan yang rosak. -- BERNAMA.

ZAB MZ PR